



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA / 19 FEBRUARI 2019

- 1. MACAM KAT LUAR NEGARA**
 - **SINAR HARIAN**

- 2. TERUSAN WAN MAT SAMAN KOTOR, JADI PARIT TERBIAR**
 - **BERITA HARIAN**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

Jerami gulung tular di media sosial inisiatif MADA elak pencemaran

ROSHILA MURNI ROSLI

YAN

Pemandangan indah berlatar-belakangkan Gunung Jerai berserta jerami gulung di Kampung Sungai Limau Dalam menjadi tular di media sosial.

Kawasan berkenaan kini menjadi tumpuan pelancong dan penduduk setempat yang ingin memabadikan foto kenangan.

Seorang pengunjung, Noraiza Ibrahim, 21, berkata, dia mula mengetahui mengenai lokasi Jerami gulung ini melalui Facebook.

"Lepas tengok ramai yang duk ambil gambar di sini, saya pun jadi teruja nak mai sini.

"Pemandangan kat sini cantik, ada Gunung Jerai lagi. Kalau dalam gambar dah nampak macam kat luar negara," katanya.

Bagaimanapun ramai tidak tahu jerami gulung yang tular itu sebenarnya inisiatif Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam mengurangkan pembakaran jerami secara terbuka.

Pengarah Bahagian Industri Asas Tani dan Bukan Padi MADA, Ruslan Abd Ghani Ahmad berkata, projek berkenaan dilaksanakan sejak 2006 dan mula dilaksanakan di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) F-IV Sungai Limau.

Katanya, projek berkenaan turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang menyokong penuh usaha ini demi kelestarian alam sekitar.

"Daripada kerjasama ini kita nampak ada impak positif dan pembakaran jerami pun makin berkurangan. Jadi kita ambil keputusan untuk teruskan projek ini sehingga sekarang," katanya ketika ditemui di

'Macam kat luar negara'



Noraiza bergambar bersama rakan-rakannya di salah satu lokasi jerami gulung yang tular.

PPK F-IV Sungai Limau semalam.

Menurutnya, setakat ini terdapat sembilan lagi PPK yang menjalankan projek jerami gulung ini.

"Dua daripadanya adalah di Perlis iaitu, PPK Tambun Tulang dan PPK Kayang, manakala selebihnya adalah di PPK Sanglang, Kerpan, Tunjang, Kepala Batas, Hutah Kampung, Kobah dan Pengkalan Kundor.

"Kesemua 10 PPK ini menghasilkan kira-kira 4,400 tan jerami musim dan lazimnya jerami ini kita kutip pada musim kedua penanaman padi kerana cuacanya yang panas dan kering berbanding musim satu yang selalunya akan hujan," katanya.

Boleh dikitar semula

Ruslan berkata, jerami gulung ini bukan sahaja dapat mengelakkan pencemaran, malah ia juga boleh dikitar semula untuk beberapa kegunaan.

"Antaranya, ia dijadikan sebagai

makanan tambahan kepada haiwan ternakan seperti lembu. Ada juga penternak yang kreatif mereka proses jerami ini menjadi palet sebelum diberikan kepada haiwan ternakan mereka.

"Bagi mereka yang bercucuk tanam, jerami ini juga sesuai dijadikan sungkapan untuk mengekalkan kelembapan kepada tanah," katanya.

Tambahnya teknik jerami gulung ini juga membantu memusnahkan sumber-sumber penyakit yang ada dalam sawah.

"Kita ada dua proses, yang pertama kita ambil jerami berkenaan menggunakan mesin penggulung jerami dan kemudiannya kita akan potong tunggal padi menggunakan mesin 'rotor slasher' sebelum ia dibakar.

"Pembakaran dengan cara ini lebih sekata dan terkawal kerana segala penyakit dan perosak akan musnah dengan lebih cepat dan



Shahroni dan Ruslan (dua,kiri) meninjau keadaan gudang jerami gulung di PPK Sungai Limau, semalam.



Shahroni menunjukkan baja organik vermikompos yang dihasilkan oleh PPK Sungai Limau.

berkesan," katanya.

Jadi baja organik

Sementara itu, Pengurus PPK Sungai Limau, Shahroni Othman berkata, kapasiti gudang jerami di PPK berkenaan telah mencecah kira-kira 3,000 ketul jerami.

"Setakat ini kami sudah berjaya mengutip jerami di kira-kira 500 hektar sawah padi di sekitar kawasan ini.

"Jerami yang dikutip ini ada yang dijual dan ada yang kami proses untuk dijadikan baja organik vermikompos yang dicampur dengan tinja lembu dan cacing.

"Baja hasil kerjasama dengan JAS ini baik untuk memperbaiki struktur tanah dan membekalkan

unsur-unsur yang diperlukan oleh tumbuhan," katanya.

Menurutnya, setakat ini permintaan baja organik ini memberangsangkan dan individu yang berminat boleh mendapatkannya di PPK.

Dalam pada itu, Shahroni tidak menyangka jerami gulung di kawasan ini menjadi lokasi kegemaran untuk pelancong dan penduduk setempat bergambar.

"Memang kita tak sangka sebab kita dah buat jerami gulung ni dah lama, tapi sekarang baru tular. Mungkin sebab pemandangan kat sini cantik, berlatar belakangkan Gunung Jerai. Secara tidak langsung ia turut menjadi kebanggaan kita sebagai anak Kedah," katanya.



RUSLAN

Mesin penggulung jerami sedang menggulung jerami di sebuah sawah.



Shahroni menunjukkan bagaimana baja organik vermikompos dihasilkan dengan menggunakan jerami, tinja lembu dan cacing.

Ms.16

WILAYAH



Terusan ini wajar dieksploitasi bagi membolehkan ia menjadi produk unik dan pihak berkuasa perlu menyediakan platform bagi membolehkan orang ramai mengenali serta mengetahui sejarahnya

Dr Ibrahim Bakar,
Pengarang Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah



Jika dijaga dan diselia dengan baik, sudah pasti terusan ini akan mempunyai air yang jernih dan tidak berbau kerana hasil buangan dari bandar tidak tersangkut di bahagian selatan terusan

Osman Ismail,
Penduduk



Terusan itu sememangnya tidak mendapat penjagaan yang sewajarnya, sedangkan jika diselenggara baik ia boleh menjadi aset pelancongan negeri

Mad Noh Mad Jam,
Penduduk Cawangan Kedah



Kedudukan Terusan Wan Mat Saman di Kota Sarang Semut yang tidak terjaga dan diurus dengan baik sehingga mengubah warna airnya.

Terusan Wan Mat Saman

- > **Inisiatif** bekas Menteri Besar, Allahyarham Datuk Wan Muhammad Saman Wan Ismail.
- > **Dibina** pada 13 Ogos 1885 dan siap pada 1895
- > **36 kilometer** panjang terusan

- > **Selebar** 7.5 meter dan kedalaman dua meter.
- > **Kedudukan** di tepi Jalan Persekutuan Alor Setar-Gurun.
- > **Menjadi** sumber air bagi aktiviti tanaman padi, tebatan banjir dan bekalan air



Terusan Wan Mat Saman kotor, jadi parit terbiar

Warisan sejarah jadi tempat pembuangan sampah, tak diselenggara



Oleh **Petah Wazzan Iskandar**
wazzan@bh.com.my

Alor Setar

Terusan Wan Mat Saman yang berusia 134 tahun sepatutnya menjadi antara warisan sejarah Kedah, kini didapati semakin terbiar, sepi dan dipenuhi sampah akibat kurang

penyelenggaraan. Bagaimanapun, terusan itu yang tidak lagi berfungsi mengairi sawah, terbiar yang menyebabkan ada antara bahagian terusan itu dalam keadaan uzur, ditimbuni tanah dan sampah akibat kegiatan pembinaan di kawasan sekitarnya. Tinjauan mendapati sikap segelintir penduduk turut memburukkan keadaan apabila ada yang mengambil jalan mudah membuang plastik, kertas dan botol ke dalam terusan sehingga mengeluarkan bau kurang menyenangkan.

Air jadi hitam
Pada bahagian tertentu terusan juga didapati, sampah yang hanyut tersangkut pada rumput panjang di tebing sehingga turut menyebabkan aliran air tersekat terutamanya ketika musim kemarau. Antara bahagian terusan yang dikesan menjadi tempat longgokan sampah dan dipenuhi rumput adalah sekitar Tandop, Simpang Empat, Kota Sarang Semut, Sungai Limau dan Guar Chempedak.

Akibat daripada masalah itu, air di dalam terusan menjadi hitam sehingga menyakitkan pandangan terutamanya kepada pengguna jalan raya dan pelancong yang berkunjung ke Kedah. Lebih menyedihkan apabila terdapat struktur fizikal yang dibina sebelum ini seperti kunci air juga tidak lagi diselenggara menyebabkan ia tidak berfungsi dan dibiar rosak begitu saja. Penduduk, Mad Noh Mad Jam, 67, berkata terusan itu sememangnya tidak mendapat penjagaan yang sewajarnya, sedangkan jika diselenggara baik ia boleh menjadi aset pelancongan negeri. Suatu ketika dahulu terusan yang turut dipanggil sebagai Sungai Wan Mat Saman menjadi tempat orang ramai berkelah, malah di kawasan berhampiran Sungai Sala masih terdapat buaya. "Tetapi apa yang terjadi sungai ini kini hanya menjadi parit kotor akibat tidak dijaga dengan baik. Hanya bahagian tertentu sahaja seperti di Tandop, Alor Setar dan Guar Chempedak masih elok ke-

rana terdapat bahan tarikan pelancong," katanya yang ditemui di Kota Sarang Semut. Bagi Osman Ismail, 60, berkata terusan itu kini umpama parit atau longkang terbiar sahaja akibat tidak dijaga dengan baik. "Jika dijaga dan diselia dengan baik, sudah pasti terusan ini akan mempunyai air yang jernih dan tidak berbau kerana hasil buangan dari bandar tidak tersangkut di bahagian selatan terusan. "Bahagian terusan yang elok kini cuma di bandar saja, sedangkan di bahagian Simpang Empat hingga Guar Chempedak keadaannya tidak menentu," katanya yang berasal dari Bukit Choras. Peniaga, Mohmmad Ridzuwan Baharom, 35, pula berkata, kebanyakan golongan muda tidak mengetahui terusan ini menjadi sebahagian sejarah Kedah dan pernah memberi banyak manfaat kepada pesawah. "Golongan muda hanya mengambil terusan ini sebagai parit dan jika ditanya sejarahnya, mereka tidak mengetahui mengenai terusan dan bagi kaki pancing pula

mereka menganggapnya sebagai terusan biasa. Jika keadaan ini berterusan, tidak mustahil terusan ini akan terbiar dan mungkin dikambus pada masa hadapan berikutan tiada lagi pihak yang menghargai peninggalan sejarahnya," katanya. **Perlu RM1.8 juta setahun**
Pada 2017, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang bertanggungjawab menguruskan terusan berkenaan pernah menerima Anugerah Warisan sempena Kongres Antarabangsa Persatuan Penyelidikan dan Kejuruteraan Hidro Alam Sekitar (IAHR). Difahamkan, terusan itu memerlukan kira-kira RM1.8 juta setahun bagi menyelenggara dan mengindahkan kawasan sekitarnya bagi mengekalkan fungsi serta sejarahnya yang unik. Terusan Wan Mat Saman dibina bagi membantu pesawah di Kedah dalam aspek pengairan sawah padi untuk meningkatkan hasil pengeluaran. Pada ketika itu sawah antara industri terpenting di rantau ini.